

Projek Dokumentasi Keterangan Tradisi/Sejarah  
Lisan Negeri Sembilan dan Nanning.

---

Tajuk: Krisis Perwarisan Pesaka Undang Jelebu.

Syed Zain bin Syed Husin, seorang juruteknik bersara telah dilahirkan di Jelebu. Beliau adalah dari Waris Sarin iaitu waris yang berhak menggilirkan pesaka Undang Jelebu. Dalam krisis perlantikan Undang Jelebu yang berlaku itu Syed Zain adalah calun undang yang dipilih oleh Waris Sarin. Apabila namanya dikemukakan oleh Dato' Ombi kepada Dato' Menteri untuk dilantik sebagai Undang Jelebu, Dato' Menteri telah melantik calun yang tidak dikemukakan oleh Dato' Ombi iaitu orang yang bertanggungjawab untuk memilih calun dari Waris Sarin. Akhirnya berlakulah suatu krisis adat yang besar.

Dato' Ombi dan Dato<sub>2</sub>' yang lain telah mengambil tindakan melantik dan mengiktiraf Syed Zain sebagai Undang Jelebu. Tetapi pengiktirafan pihak Kerajaan Negeri Sembilan dan Dewan Keadilan Negeri Sembilan adalah pada Undang yang dilantik oleh Dato' Menteri. Keterangan-keterangan serta dokumen yang terkandung dalam transkrip ini adalah keterangan dari Syed Zain sendiri.

Dari tinjauan yang dibuat baharu-baharu ini didapati orangramai ada berbelah bagi mengiktiraf Dato' Musa sebagai Undang mereka. Suatu arahan telah dibuat supaya semua imam-imam masjid dalam Wilayah

Jelevu mendoakan Undang Musa pada tiap-tiap Fardhu Jumaat. Beberapa imam-imam yang ingkar telah dipecat dari jawatan mereka.

KRISIS PERWARISAN PUSAKA UNDANG  
JELEBU

Pengkisah: Syed ~~Zain~~ bin Syed Husin

Tarikh : 3 March 1984

Tempat : Kampung Tampin Tengah, Tampin

Pusaka Undang Jelbu ini ada tiga waris yang berhak menyandang. Warisnya ialah waris Hulu Jelebu, waris Sarin dan waris Kemin. Waris yang boleh menjadi Undang ini dia mengikut giliran. Mula-mula waris Hulu Jelebu, selepas mati Undang daripada Hulu Jelebu diambil pula orang dari waris Sarin untuk dijadikan Undang. Bila mati Undang dari waris Sarin, diambil pula orang dari waris Kemin untuk menjadi Undang. Kemudian berbalik semula kepada waris Hulu Jelebu.

Berkenaan hal Jelebu ini, bila Dato' Abu Bakar bin Maamor meninggal dunia pada 20hb. November, 1979, maka gilirnya jatuhlah kepada waris Sarin, iaitu anakbuah Dato' Paduka Menteri. Jadi ringkasnya, bila Dato' Paduka Menteri ini mengumpulkan anakbuahnya, ia mendapati pada mulanya terdapat 12 orang calon Undang. Tetapi kemudiannya jumlah ini telah dikecilkan kepada 4 orang. Selepas itu dikecilkan lagi jumlahnya kepada tiga orang oleh Dato' Paduka Menteri, Dato' Maharaja Inda, Dato' Raja Balang dan Dato' Ombi. Nama yang pertama nama sayalah Syed Zain, yang kedua Syed

Sulong dan yang ketiga Nordin bin Ahmad.

Jadi nama yang tiga ini, telah dikemukakan pada Dato' Menteri. Dato' Menteri ini adalah merupakan kepala Lembaga. Jadi di bawah dia itu ada tiga lembaga iaitu Dato' Ngiang, Dato' Cincang dan Dato' Senara Angsa. Jadi bila nama ini sampai kepada dia (Dato' Menteri), dia mestilah mengambil salah satu daripada tiga calon ini. Tapi kalau mengikut aturan adat, 'yang tua itu dituakan juga, dan yang tua itu didulukan'. Dalam bertiga itu sayalah yang tua.

Jadi dia (Dato' Menteri Othman Baginda) ini memanggil Dato'-dato' dia ia itu Dato' Ngiang, Dato' Cincang dan Dato' Senara Angsa. Dia memberitahu bahawa orang yang bertiga ini semuanya elok belaka tapi dia tidak memberi keputusan pada masa itu. Pada sepatutnya, dia (Dato' Menteri) mesti mengambil atau memilih satu daripada yang tiga itu iaitu pilihan dari segi adat dan bukannya lagi dari segi pusaka. Sebab dari segi pusaka sudah dipilih oleh waris yang dikepalai oleh Dato' Ombi.

Jadi sepatutnya dia berbuat begitu, tetapi tidak dibuatnya. Bila sampai masa hendak melantik Undang pada 4hb. Februari, 1980 itu dia (Dato' Menteri) telah mengambil orang luar yang tidak ada kenangena dan tidak ada hak langsung dengan pusaka Undang Jelebu iaitu Musa. Musa bin Wahab ini dia mengaku bahawa dia waris Dato' Raja tetapi bila disiasat dia bukanlah waris Dato' Raja. Yang

sebenarnya dia ini Musa bin Wahab termasuk ke dalam waris Imam Perang dan ketuanya bernama Imam Perang. Imam Perang ini hanya menjadi juak saja kepada Undang dan habis besar pangkat orang dalam kumpulan itu ialah menjadi juak-juak saja. Imam Perang ini tidak termasuk dalam waris Sarin, dia hanya masuk lingkungan saja atau orang menumpang saja.

Jadi bila Musa ini dilantik menjadi Undang Dato'-dato' lain yang bertujuh itu tidak puas hatilah sebab calon Undang yang mereka bagi lain dan yang diambil oleh Dato' Menteri **pula** orang lain! Kalau hendak menjadi Undang ini, ia mestilah dengan Kebulatan Dato'-dato' yang berlawan. Dato' yang berlawan itu ialah Dato' Menteri, Dato' Ombi, Dato' Raja Balang, Dato' Paduka Menteri, Dato' Maharaja Inda, Dato' Ngiang, Dato' Cincang dan Dato' Senara Angsa. Bila Dato'-dato' yang lapan sudah mencapai kebulatan atau sudah sesakata, baru datang kuasa Dato' Menteri untuk melantik Undang. Selagi belum dapat kebulatan, tidak ada kuasa Dato' Menteri untuk melantik. Tindakan Dato' Menteri adalah bertentangan dengan adat. Dia mengistiharkan perlantikan orang yang tiada hak langsung untuk menyandang pusaka Undang. Sebab Musa tidak ada haklah dan nama dia tidak adapun dicalonkan. Jadi sampai bilapun orang Jelebu tidak akan menerima hal ini, tetapi ini bagi orang yang ada pusakalah, orang yang tidak ada pusaka dia tidak tahu.

Apabila peristihatan dibuat saya dan Dato'-dato' Lembaga telah meninggalkan majlis itu dan balik ke Kampung Jelin. Di situ saya telah dilantik oleh Dato'-dato' Lembaga sebagai Undang yang sah mengikut aturan adat iaitu sejak 31hb. Disember 1980. Jadi hal ini kita beritahu kepada Dewan Keadilan dan Undang. Dewan Keadilan dan Undang ini bersidang pada 7hb. Februari, 1980. Pada 6hb. Februari, 1980 kita orang hantar sendiri surat kepada pejabat Dewan Keadilan dan Undang. Tapi malangnya, Yang Di Pertuan Besar pada masa itu barangkali oleh sebab tidak tahu atau telah dipengaruhi, tiba-tiba memberi restu sahaja. Tetapi restu itu bukanlah bermakna mengesahkan. Pada sepatutnya dia boleh menanggukkan hal ini tapi dia tidak buat begitu.

Jadi bila dia tidak buat begitu, kita orang ini tidak puas hatilah dan kita bawa perkara ini ke Mahkamah Tinggi di Seremban. Dalam perbicaraan di mahkamah, bila ditanya oleh hakim sebanyak lapan soalan dia (Dato' Menteri) tidak dapat jawab. Masa itu peguam kita orang belum tanya apa-apa lagi. Jadi pada hari itu, saya ada catitkan soalan-soalan itu tapi entah mana saya letakkan. Walau bagaimanapun ada dua tiga soalan yang masih saya ingat lagi.

Jadi ceritanya begini, bila ditanya oleh hakim, "Macamana caranya bila hendak melantik Undang Jelebu". Dia (Dato' Menteri) ceritalah bahawa bila Undang Jelebu sudah mangkat, kemudian gilirnya jatuh kepada waris Sarin. Bila waris Sarin sudah membuat kebulatan

untuk memilih calon Undang, diserahkan kepada Dato' Ombi. Kemudian Dato' Ombi menyerahkan kepada dia (Dato' Menteri) nama calon yang hendak dijadikan Undang itu. Bila sampai di situ ditanya oleh hakim, "Awak terima calon yang dia beri itu?" Dia jawab dia tidak terima. "Kemudian apa awak sudah buat?" tanya hakim. "Saya ambil orang lain", jawab Dato' Menteri. "Haa orang lain itu tidak ada kena mengena, tidak ada pasal-pasal", kata hakim.

Jadi itu satu soalan, kemudian ditanya oleh hakim lagi, "Jikalau awak tidak terima calon itu apa sepatutnya awak buat?" "Kalau saya tidak terima sepatutnya saya pulangkan balik kepada Dato' Ombi dan beritahu dia bahawa calon itu tidak betul", jawab Dato' Menteri Othman Baginda. Ditanya oleh hakim lagi, "Ada awak buat begitu?" Dia kata dia tidak buat. Selepas itu ditanya oleh hakim lagi, "Mengapa awak tidak ambil orang yang tiga ini dan mengambil orang yang tidak ada dicalonkan?" Dia (Dato' Menteri Othman Baginda) mengatakan bahawa dia ada kuasa penuh untuk memilih. "Ehh kuasa memilih dengan syarat memilih calon yang dia (Dato' Ombi) beri itu, dan bukannya orang lain!" kata hakim. Jadi diapun tidak dapat jawab.

Jadi dalam perbicaraan itu pendeknya ada lapan soalan yang ditanya oleh hakim. Nampaknya dia (Dato' Menteri Othman Baginda) sudah tidak boleh lawan lagilah, jadi dia mengadu, 'appeal' pada

mahkamah Persekutuan Kuala Lumpur. Dalam Mahkamah Persekutuan Kuala Lumpur, pihak Musa menggunakan tiga peguam, satu Melayu, satu India dan satu Cina. Kita pakai satu peguam sajalah.

Jadi dalam mahkamah, semua peguam mempertikaikan hal kuasa Undang dan hal kebesaran Undang sahaja. Keputusannya hakim Tun Suffian kata mahkamah meminta tangguh dua minggu untuk memberi jawapannya. Selepas dua minggu jawapan pun diberi. Hakim Tun ~~Suffian~~<sup>ff</sup> mengatakan bahawa perkara ini boleh dibicarakan kerana perkara itu berasas. Tapi hakim Tan Sri Raja Azlan pada masa itu dia mengatakan dia tidak berani hendak mengatasi keputusan Dewan Keadilan dan Undang, sebab yang menjadi ahlinya ialah Raja iaitu Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan. Jadi tidak ada keputusanlah, hendak dibicarakan tidak dapat kerana mahkamah tidak berani.

Begitu juga dengan perlantikan Dato'-dato Lembaga yang dibuat oleh Musa pada hari itu. Semua itu adalah tidak sah kerana dibuat dengan tidak mengikut adat. Mengikut adat, Dato'-dato' ini mestilah dilantik dengan kebulatan waris serta ibu bapa. Tetapi apa yang dibuat adalah pakai cukup begitu saja, siapa yang ada pada masa itu dia ambil. Tambahan pula mengikut Undang-undang Adat Jelebu, Dato' Menteri tidak ada kuasa untuk melantik Dato' Lembaga. Sedangkan Undang sendiri tidak ada kuasa hendak melantik, inikan pula Dato' Menteri.

Adat mengatakan:

Kebulatan anakbuah menjadikan Buapak  
 Kebulatan Buapak menjadikan Lembaga  
 Kebulatan Lembaga menjadikan Undang

Semada perlantikan Lembaga atau perlantikan Undang yang dibuat oleh Dato' Menteri itu <sup>semuanya adalah</sup> tidak mengikut peraturan adat Jelebu. Itu adalah kehendak hatinya saja.

Dengan itu sekarang ini politik mempengaruhi segala-galanya. Maka ujudlah dua Undang di Jelebu ini, satu Undang yang betul, Undang Adat dan satu lagi Undang politik di mana Dato' Rais <sup>[Menteri Besar Negeri Sembilan ketika itu, juga berasal dari Jelebu]</sup> menerima sahaja pada hal orang Jelebu tidak menerima. Musa tidak pernah keluar dan hanya keluar ramai-ramai dan juga bila dipanggil oleh kerajaan. Kalau tidak, tidak berani hendak keluar, bukannya kita orang hendak pukul. Hendak memandang muka orang pun dia malu.

Sekarang ini sayalah Undang yang sah mengikut Adat. Saya punya Dato' Lembaga ada. Mereka-mereka ini adalah orang yang melantik saya pada 31hb. Disember 1980, Dato' Menterinya dulu Dato' Shariff bin Gebok, Dato' Ombinya Syed Alwi Syed Idrus, Dato' Raja Balangnya Syed Ismail bin Syed Ali, Dato' Maharaja Inda Shariff bin Sakap, Dato' Ngiang Haji Ahman bin Haji Sidek, Dato' Cincang Ahmad bin Abu dan Dato' Senara Angsa Haji Shariff bin Gading. Semua orang ini telah diiktiraf oleh kerajaan. Dato'-dato' ini kita orang pakai lagi dan kerajaan tidak boleh membuang atau memecat orang ini sebab yang boleh membuang mereka ialah anakbuah

Adat mengatakan:

Kebulatan anakbuah menjadikan Buapak  
 Kebulatan Buapak menjadikan Lembaga  
 Kebulatan Lembaga menjadikan Undang

Semada perlantikan Lembaga atau perlantikan Undang yang dibuat oleh Dato' Menteri itu <sup>semuanya adalah</sup> tidak mengikut peraturan adat Jelebu. Itu adalah kehendak hatinya saja.

Dengan itu sekarang ini politik mempengaruhi segala-galanya. Maka ujudlah dua Undang di Jelebu ini, satu Undang yang betul, Undang Adat dan satu lagi Undang politik di mana Dato' Rais <sup>[Menteri Besar Negeri Sembilan ketika itu, juga berasal dari Jelebu]</sup> menerima sahaja pada hal orang Jelebu tidak menerima. Musa tidak pernah keluar dan hanya keluar ramai-ramai dan juga bila dipanggil oleh kerajaan. Kalau tidak, tidak berani hendak keluar, bukannya kita orang hendak pukul. Hendak memandang muka orang pun dia malu.

Sekarang ini sayalah Undang yang sah mengikut Adat. Saya punya Dato' Lembaga ada. Mereka-mereka ini adalah orang yang melantik saya pada 31hb. Disember 1980, Dato' Menterinya dulu Dato' Shariff bin Gebok, Dato' Ombinya Syed Alwi Syed Idrus, Dato' Raja Balangnya Syed Ismail bin Syed Ali, Dato' Maharaja Inda Shariff bin Sakap, Dato' Ngiang Haji Ahman bin Haji Sidek, Dato' Cincang Ahmad bin Abu dan Dato' Senara Angsa Haji Shariff bin Gading. Semua orang ini telah diiktiraf oleh kerajaan. Dato'-dato' ini kita orang pakai lagi dan kerajaan tidak boleh membuang atau memecat orang ini sebab yang boleh membuang mereka ialah anakbuah

mereka sedangkan mereka tidak ada salah pada anakbuah di dalam adat. Ini Dato'-dato' Adat, mengikut adatlah. Dia ini masih ada tapi kemudian itu mati Dato' Ombi Syed Alwi dan Dato' Ngiang Haji Ahman. Mereka itu sudah juga diganti dengan orang lain mengikut adat juga.

Dato' Ombi Syed Alwi ini digantikan oleh Mohd Ludin bin Lamin.

Dato' Ngiang Haji Ahman bin Sidek pula digantikan oleh Hassan bin Siaji. Jadi nama dua orang ini kita sudah lantik mengikut adat.

Kalau saya beritahu kerajaan tentang perlantikan mereka ini sudah tentu kerajaan tidak akan menerimanya, sebab saya sendiri belum diiktiraf oleh kerajaan lagi. Walau bagaimanapun perlantikan Dato' Menteri Shariff bin Gebuk dulu telahpun diberitahu kepada kerajaan dan di masa itu Dato' Ngiang Haji Ahman bin Haji Sidek dan Dato'

Ombi Syed Alwi Syed Idrus ini hidup lagi. *[Sebaliknya pula Undang- Dato' Musa telah melantik orang-orang yang mengiktirafnya sebagai Undang mengisi kekosongan jawatan Dato' Ombi dan Dato' Ngiang itu.]*

Dato' Ombi pernah mengatakan bahawa perlantikan Dato' Musa sebagai Undang adalah tidak sah kerana beliau adalah waris Dato' Raja Teras yang dilarang keturunannya mempusakai tampuk Undang kerana satu kesalahan. Pihak yang menyokong Dato' Musa pula mendakwa bahawa dia pernah meminta bukti daripada Dato' Ombi, apakah buktinya Raja Teras ini sudah bunuh orang dan di manakah letak kuburnya. Dan dia kata Dato' Ombi ini tidak dapat jawab.

Kedudukannya begini. Di Jelebu ini perbilangan adat ada mengatak-  
kan:

Berumpuk masing-masing,  
Beruang bak durian,  
Berlupak bak sawah.

Jadi hal Dato' Ombi, Dato' Ombilah yang tahu dan hak Dato' Raja,  
Dato' Rajalah yang tahu. Jadi Dato' Raja Teras ini adalah hak  
Dato' Raja dan Dato' Ombi tidak payahlah hendak tahu: sangat.  
Lagi kita mesti ingat, masa dulu perjalanan susah, orang tidak  
ramai dan hutan banyak. Sungguhpun sekarang kampung sejauh tiga  
batu dirasakan dekat, tapi masa dulu jauh, takut hendak pergi.

Saya sendiripun tidak tahu sebab saya dulupun tida ada mendengar  
cerita itu dengan sahnya dan daripada siapa yang bercerita. Apa  
yang saya tahu orang Dato' Raja ini memang tidak dapat mempusakai  
jawatan Undang. Ini diterangkan dalam terombo Jelebu yang dibuat  
pada tahun 1910. Terombo ini dibuat bukanlah pandai-pandai Dato'  
Undang (Dato' Abdullah). Tetapi adalah berdasarkan persetujuan  
semua Dato'-dato' Lembaga ketika itu diterima pula oleh pemerin-  
tah Inggeris. Mengikut dalam terombo ini, terombo ini dibuat di  
hadapan khalayak ramai: Dato'-dato' Lembaga serta anakbuah sekeli-  
an. Ada ditulis di sini (terombo Jelebu), 'Dengan Keadilan Yang  
Maha Mulia Dato' Mendika Menteri Akhirul Zaman Penghulu Jelebu

Abdullah darihal peraturan waris dengan lembaga. *[Dari tinjauan  
yang dibuat ramai juga yang berpendapat bahawa  
allahyarham Undang Abdullah dahulu bukanlah waris  
undang yang sah maka itu ia telah menggunakan  
tipu helaknya memujuk Dato' Lembaga yang berlawanan  
supaya mempersetujui giliran waris-waris undang  
... .. diterakui oleh*

Maka telah dipersetujui, "Dengan kebulatan waris dengan lembaga itu yang akan menentukan giliran yang menerima jawatan pusaka itu, waris atau Lembaga dalam lingkungan anakbuah dan pada tiap-tiap suku masing-masing, mengikut peraturan yang telah lalu itu. Maka dengan kebulatan sekalian Dato'-dato' yang tersebut di bawah ini mengakulah menurunkan tandatangan di bawah ini berhadapan anakbuah masing-masing, tiada boleh diubah dan tiada boleh dipecahkan lagi sehingga ini menurun keturunan pusaka masing-masing."

Jadi terombo ini dibuat di hadapan orang ramai dan bukannya pandai-pandai Dato' Abdullah seorang ataupun tiga empat orang. Dalam terombo ini sudah diterangkan bahawa waris Dato' Raja memang tidak berhak menyandang pusaka Undang.

Kita ada terombo ini dan bukan saya yang membuatnya. Di dalam terombo ini ada cop Undang Jelebu tapi masa dulu copnya pakai air sirih dan bukan macam cop sekarang. Terombo ini telah disahkan oleh Residen Lemon kemudiannya. Salinan terombo ini ada disimpan di Seremban, di Kuala Lumpur dan di London pun ada. Caldecott pun ambil dari sinilah (terombo Jelebu). Tiap-tiap orang yang bergelar pada masa dulu sampai pada tahun 1910 semua ada di dalam ini terombo Jelebu.

Dato' Menteri Othman Baginda tidak tahu, saya percaya dia tidak tahu adanya terombo ini. Saya cerita, Dato' Menteri ini ada

empat perut. Dato' Menteri yang asal ialah perut Meribong dan Kampung Tengah. Itu orang asal. Kemudian datang orang luar (Durian Daun) dan mengaku berbaik-baik dengan orang Kampun Tengah. Mereka (orang Durian Daun) diambil menjadi anak angkat dan lama kelamaan diberi pusaka. Selepas orang Durian Daun ini, datang pula orang luar lain bernama Tok Dagang. Orang Durian Daun telah mengambil mereka ini untuk menjadi anak angkat dan diberi pula pusaka. Jadi sudah empat perut, tapi dua yang kemudian itu bukan orang asal. Jadi orang inilah yang selalu belot.

Zaman datuk saya dulu (Dato' Abdullah), Dato' Menterinya bernama Talib. Masa Dato' Abdullah ini menjadi Undang, dialah (Dato' Menteri Talib) berbaik-baik dengan orang Pahang. Orang Pahang ini ingin menjadi Penghulu Mukim. Jadi dia memberi dua ekor kerbau kepada Dato' Menteri Talib untuk membantunya bagi mendapatkan jawatan tersebut. Tapi Dato' Abdullah tidak mahu menerimanya kerana dia tahu orang tersebut adalah orang Pahang dan bukannya orang Jelebu. Bila Dato' Abdullah tidak mahu menerimanya Dato' Menteri Talib pun berkata, "Kau Dollah, inilah tangan yang menyembah kau kelmarin, kalau kau tidak mahu menerima, putus tangan aku, tidak akan hendak aku menyembah kau lagi."

Seminggu selepas itu dia Dato' Menteri Talib pergi mencari bijih di Hulu Teriang yang jauhnya dalam tiga batu dan dia pergi bertiga orang. Jadi malam itu mereka tidak balik dan tidur di bawah pokok

kayu. Dato' Menteri Talib ini tidur di tengah-tengah. Pada malamnya datang harimau dan diambilnya Dato' Menteri Talib lalu digonggongnya. Orang yang berdua itu tersedar tetapi dia (harimau) tidak mengusik mereka.

Jadi besoknya itu, gerakan mencari Dato' Menteri Talib pun dibuat. Dan apabila dijumpai didapati tangan dia kudung (putus) dan hatinya yang tidak betul itu habis dimakan harimau. Haa inilah orangnya. Dia ini orang Durian Daun, orang yang mendatang.

Saya ingin menceritakan pengalaman saya sendirilah. Bila mati Dato' Abdullah dulu, jadi Dato' Menterinya pada masa itu ialah orang Durian Daun bernama Kilau. Bila sudah mati Undang, mengikut aturan adatnya dialah Undang (Kilau). Pada suatu malam dia berkata kepada saya, "Uungku usahkan tiga bulan hendak jadi Pemangku Undang, tiga tahun pun tidak mengapa". Dia cakap dengan saya, jadi saya marahlah. Saya kata, "Macam ini Dato' Menteri, awak ini bercakap belum kena pada tuahnya lagi. "Kalau kena tuahnya!" dijawabnya. Lepas itu saya baliklah. Seminggu selepas itu dia ditangkap oleh British dan masuk jil. Hah, itu saya yang cakap tu. Tapi kalau orang yang asal iaitu perut Meribong dan Kampung Tengah adalah baik.

Tapi datuk kepada Dato' Musa itu ada mengatakan bahawa masa pertabalan dulu, muka dia (Dato' Musa) merah dan ini bermakna

hanikanya sudah datang. Dengar cerita saya. Ini cerita orang dalam rumah dia betul, orang yang ada dalam itu. Hari pertabalannya itu bermula hari Sabtu malam Ahad hinggalah hari Isnin. Hari Sabtu malam Ahad bekalan letrik dan air tidak ada di rumahnya (Dato' Musa). Tidak tahu siapa punya pasal. Jadi malam itu, Musa sudah menjadi harimau dan mengaum pada malam itu. Pada esoknya pula, semasa hendak bersiram bila kena air sesiram dia (Dato' Musa) pengsan. Lepas itu isteri dia pula pengsan.

Hari Isnin itu dia (Dato' Musa) bertabal tapi dia tidak dapat bangun kerana pening kepala. Jadi bila Tuanku (Yang Di Pertuan Besar) sampai, dia tidak bersambutlah. Undang Luak yang lain tidak datang hari itu. Dato' Kelana mengatakan dia tidak mahu datang, dia cakap terang-terang. Dato' Undang Rembau mengatakan dia hendak datang tapi tidak datang. Dato' Undang Johol pun begitu juga. Jadi Undang tidak datanglah, yang datang cuma Tuanku sahaja.

Dalam soal makanan pula, biasanya masa Undang dulu siapa yang datang boleh makan. Tapi dia ini tidak, cuma untuk 500 orang sahaja. Jadi suku orang lain tidak boleh masuklah, hanya orang dia sahaja. Jadi dia orang ini bila sudah masak, dia orang ini makanlah. Akibatnya makanan habis dan ini menyebabkan tetamu khas tidak dapat makan.

Pada malamnya pula Dato' Ombi marah. Segala hiasan dicabut-cabutkannya di mana dia mengatakan semuanya tidak betul. Dia macam sudah hilang ingatanlah. Jadi semua aturcaranya tidak jadi. Hari yang pertama masak nasi habis, hari yang penghabisan masak nasi orang tidak datang. Bertimbun-timbun nasi, tidak ada orang yang datang. Hendak makan bayar seratus ringgit, tidak ada seratus ringgit, tidak dapat makan. Adakah patut begitu? Saya ada senarai semuanya ini, siapa ada seratus ringgit baru dapat makan.

Ada suatu hari pagi itu, adalah cucu saudara Musa ini berumur antara lapan ke sembilan tahun. Jadi emak ayah budak ini masuk rancangan di Jengka, Pahang. Emaknya itu membawa budak ini balik ke Jelevu kerana hendak di sekolahkan di sana. Jadi pada hari itu (hari pertabalan) suka benarlah datuk budak ini. Dia kata habislah orang Syed Zin hari ini, menangislah Syed Zin.

Jadi budak ini naik basikal, belajar basikallah. Dia berkawan dua tiga orang, kawan dia balik tapi dia tidak balik. Cari-cari rupanya dia jatuh dalam empang. Empang itu dalam lebih kurang tujuh kaki. Jadi pergilah selamat dan didapati mati budak itu. Jadi datuk dia yang mengatakan saya yang menangis rupanya dia yang menangis. Dialah menangis sebab cucu dia mati.

TAJUK : PENGUMPULAN TRADISI LISAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

MAKMAL/ARKIB SEJARAH LISAN  
JABATAN SEJARAH  
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI

JAWATAN KUASA PENYELIDIKAN BUDAYA  
MUZIUM NEGERI  
NEGERI SEMBILAN